

# Sistem peratus undi tidak akan diguna

Oleh ZULKIFLEE BAKAR

**K**UALA LUMPUR 22 Nov. — Kerajaan tidak akan melaksanakan sistem menentukan jumlah wakil rakyat mengikut peratus undi yang diterima oleh parti di dalam pilihanraya kerana ia boleh menjejaskan kestabilan politik negara, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menjelaskan, sistem itu telah cuba dilaksanakan di Eropah terutamanya di Denmark, tetapi kesannya tidak baik.

"Akibatnya, mana-mana parti tidak mendapat majoriti dan terpaksa mewujudkan kerajaan minoriti ataupun campuran yang tidak kuat, menyebabkan ia tidak dapat memerintah dengan berkesan.

"Saya tidak fikir satu sistem yang amat baik, ia boleh menyebabkan kerajaan yang lemah dan kestabilan politik sesebuah negara terjejas dan ia adalah sistem yang buruk, oleh itu adalah lebih baik kita mengamalkan sistem yang ada sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan buku berjudul *Perja-*

*lanan Pilihanraya di Malaysia* yang ditulis oleh Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman, di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, sebagai sebuah negara membangun, Malaysia memerlukan kerajaan yang kuat bagi membolehkan keputusan dibuat untuk melaksanakan sesuatu rancangan, oleh itu sistem berkenaan tidak boleh diamalkan kerana ia boleh menimbulkan huru-hara.

Perdana Menteri berkata, setakat ini sistem pilihanraya di Malaysia berjalan dengan baik kerana SPR memahami tugas dan tanggungjawabnya serta tidak memihak kepada mana-mana parti sehingga menimbulkan keraguan.

"Pemerhati luar negara memang berpendapat bahawa perjalanan pilihanraya di Malaysia amat baik dan tidak ada pilih kasih, oleh itu kerajaan yang dipilih berhak untuk memerintah tanpa gangguan mana-mana pihak.

"Tetapi ada juga kes yang dibawa ke mahkamah dan kita menerima keputusan mahkamah kerana masih menghormati sistem perundangan," katanya.

Katanya, sebagai sebuah negara demokrasi, Malaysia memang mengadakan pilihanraya berbanding setengah negara-negara membangun yang selepas mencapai kemerdekaan walaupun mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi menghadapi masalah pilihanraya.

"Kerap kali di mana sesuatu pihak dapat menjadi kerajaan, dia mendapati pilihanraya adalah satu masalah yang patut dielakkan...kalau boleh dan yang mudah sekali mengekalkan kedudukannya sebagai kerajaan tanpa pilihanraya.

## Kemerdekaan

"Ini kita dapati di banyak negara yang mencapai kemerdekaan selepas Perang Dunia Kedua tetapi kita di Malaysia ini terus percaya dengan sistem pilihanraya bagi menentukan siapa yang patut mentadbir negara," kata Dr. Mahathir.

Perdana Menteri menjelaskan, dalam sistem demokrasi tidak ada yang lebih penting selain daripada pilihanraya kerana ia memberi peluang kepada orang ramai untuk menentukan siapa yang akan mentadbir negara mereka.

"Kebolehan untuk menu-

kar dan memilih pemimpin adalah satu hak yang amat penting bagi rakyat dalam negara demokrasi, kerana kita tahu apabila kita tidak boleh menukar pemimpin lambat-laun ia akan menyalahkan gunakan kuasa," katanya.

Sebab itulah, kata beliau, sistem lama seperti feodal, monarki mutlak, diktator dan sebagainya begitu buruk menekan sehingga menyiksa rakyat dan seterusnya negara tidak dapat dibangunkan.

"Tetapi dalam sistem demokrasi kita boleh tukar kerana pemimpin atau kerajaan yang dipilih akan sedar jika ia tidak menyampaikan kehendak rakyat dia akan dijatuhkan dan ini akan menjadi satu motivasi yang kuat untuk kerajaan berkhidmat untuk kepentingan rakyat," katanya.

Perdana Menteri juga menjelaskan, bagaimana sesetengah negara mengamalkan manipulasi pilihanraya.

"Ada pilihanraya kononnya yang mana rakyat memilih pemimpin dengan memberi sokongan kepadanya 99.9 peratus, sudah tentu ini bukan pilihanraya tetapi pilihan diri sendiri.

Bagaimanapun ia tidak berlaku di negara ini," katanya.

Beliau menegaskan, ini terbukti apabila terdapat pilihanraya yang keputusannya menunjukkan Kerajaan Pusat mendapat wakil yang kurang dan kerajaan negeri kalah.

"Ini berlaku dalam tahun 1969 di mana beberapa orang menteri kalah dan parti kerajaan dapat undi yang rendah dan kehilangan banyak kerusi.

"Malahan di dalam sesuatu pilihanraya yang dijalankan ada sahaja calon kerajaan yang kalah, tidak pernah berlaku parti lawan tidak dipilih untuk duduk di dalam Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri," katanya.

Mengenai tarikh pilihanraya, Dr. Mahathir sambil berseloroh berkata: "Dulu ada pilihanraya, Parlimen berusia tiga tahun setengah.

"Apa yang nak gopoh sangat sedangkan kita diberi usia lima tahun tetapi kadang-kadang ada kebajikan kita tidak umumkan kerana hendak menggunakan pengumuman sebagai alat untuk cari kemenangan supaya tidak memberi peluang kepada orang lain (pembangkang) bersedia."